

JPAM sedia hadapi banjir di Terengganu

KUALA TERENGGANU 12 Nov. – Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) negeri sudah bersiap sedia untuk menghadapi kemungkinan berlaku lima gelombang banjir besar di negeri ini antara 15 November ini hingga perayaan Tahun Baru Cina tahun depan.

Pada masa sama, seramai 18,000 sukarelawan termasuk 500 anggota jabatan itu akan dikerah pada bila-bila masa bagi menghadapi lima gelombang tersebut dengan gelombang ketiga diramal paling besar pada akhir Disember ini dan awal Januari depan.

Pengarah JPAM Terengganu, Leftenan Kol. Kamal Mokhtar berkata, gelombang banjir pertama yang dijangka bermula 15 November ini melibatkan daerah Hulu Terengganu dan Besut.

Beliau memberitahu, gelombang kedua membabitkan Setiu, Marang dan Dungun manakala gelombang ketiga, keempat dan kelima melibatkan semua daerah di seluruh negeri ini.

Menurutnya, lima fasa gelombang banjir itu dijangka berlaku berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi selain hasil mesyuarat Jawatankuasa Bencana Banjir Terengganu tempoh hari.

“Gelombang ketiga dijangka paling teruk iaitu pada penghujung Disember atau awal Januari nanti,” katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat JPAM negeri, di sini hari ini.